



Lembaran Maklumat Produk

Pembangunan Mikro iTEKAD BangKIT Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF)



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT - Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad
198301002944 (98127-X)

Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT -
Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF)

1 Oktober 2024

1. Apakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT- Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF)?

- Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF merupakan kemudahan yang direka khusus untuk usahawan mikro dalam kalangan belia dari keseluruhan tanah rancangan dan wilayah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (**FELDA**) yang belum layak menerima pembiayaan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dari mana-mana institusi kewangan (“underbanked”), B40 atau asnaf yang ingin memulakan atau membangunkan perniagaan untuk menjana pendapatan berterusan.
- Pelanggan yang layak dan terpilih akan mengikuti program latihan pembangunan perniagaan anjuran Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana yang dikenal pasti oleh Bank Islam.
- Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan berikut adalah layak untuk memohon:
 - Usahawan belia warganegara Malaysia dan merupakan anak/cucu/cicit/menantu peneroka FELDA sahaja;
 - Memenuhi definisi perusahaan mikro oleh SME Corporation Malaysia;
 - Merupakan pemilik perniagaan entiti tunggal atau perkongsian yang telah menjalankan perniagaan secara sepenuh masa. Semua rakan kongsi mesti terdiri daripada anak/cucu/cicit/menantu kepada peneroka FELDA sahaja;
 - Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;
 - Perniagaan telah beroperasi minimum 6 bulan;
 - Usahawan mikro berumur antara 18 hingga 45 tahun pada tarikh permohonan;
 - Mengemukakan pelan perniagaan dengan menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar semula pembiayaan
- Sepanjang tempoh program, pelanggan diminta untuk menerapkan semangat sedekah dan disarankan untuk memberikan sedekah kepada dana Sadaqa House yang disediakan oleh Bank Islam serta digalakkan untuk menunaikan Solat Dhuha dan membaca Surah Waqi'ah setiap hari (bagi Pelanggan yang beragama Islam).

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Pembiayaan ini adalah berlandaskan kontrak Qard. Qard merupakan kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah penggantian yang setara kepada pemberi pinjaman.
- Jumlah bayaran balik pinjaman adalah sama dengan amaun yang dipinjam tanpa sebarang elemen keuntungan.

3. Apakah yang saya perolehi daripada kemudahan ini?

No.	Ciri-Ciri	Maklumat
1.	Jenis Pembiayaan	Pembiayaan berjangka
2.	Tujuan Pembiayaan	1. Membayai usahawan mikro untuk tujuan: (i) Modal kerja (termasuk sumbangan Takaful (pilihan)); dan/ atau (ii) Perbelanjaan modal.

MICROFINANCE

No.	Ciri-Ciri	Maklumat
2.	Tujuan Pembiayaan	<p>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pembelian saham; (ii) Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada; (iii) Pembelian pelaburan tanah/hartanah; (iv) Pembangunan hartanah; (v) Pelaburan oleh syarikat pemegangan pelaburan; (vi) Aktiviti di mana stok dalam perdagangan adalah wang (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans); (vii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk lain yang serupa; dan (viii) Aktiviti tidak patuh Syariah.
3.	Amaun Pembiayaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Usahawan baharu (6 bulan - 12 bulan dalam perniagaan): <p>Minimum : RM5,000.00 Maksimum : RM30,000.00</p> 2. Usahawan sedia ada (lebih 12 bulan dalam perniagaan): <p>Minimum : RM10,000.00 Maksimum : RM50,000.00</p>
4.	Tempoh Pembiayaan	<p>Minimum : 6 bulan Maksimum : 60 bulan (5 tahun)</p>
5.	Kadar keuntungan	Tiada kadar keuntungan (%)
6.	Syarat tambahan	Pelanggan perlu menghadiri program latihan pembangunan perniagaan yang dianjurkan oleh Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana.

Contoh pengiraan pembiayaan adalah seperti di bawah:

Amaun Pembiayaan : RM50,000-00
 Kadar Keuntungan Bank : 0% setahun
 Tempoh Pembiayaan : 5 tahun



Ansuran Bulanan : RM833.33
 Jumlah Bayaran Balik : RM50,000.00

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan illustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan komitmen sebenar bagi setiap Pembiayaan Mikro iTEKAD BangKIT TUBF.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Anda perlu menjelaskan pembayaran balik sebagaimana yang dipersetujui bersama dengan Bank.
- Anda diwajibkan untuk membayar balik jumlah pembiayaan sehingga selesai. Walau bagaimanapun, anda boleh membuat penyelesaian penuh pembiayaan pada bila-bila masa.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Tiada sebarang caj akan dikenakan.

6. Bagaimakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank boleh meminta pembayaran segera untuk jumlah tertunggak daripada anda melalui notis bertulis.

7. Bagaimakah sekiranya saya membuat bayaran penuh sebelum tamat tempoh pembiayaan?

- Anda boleh membuat bayaran lebih atau menyelesaikan pinjaman sebelum tamat tempoh pembiayaan tanpa dikenakan apa-apa caj.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin atau cagaran adalah tidak diperlukan untuk kemudahan ini.
- Anda boleh menyediakan sekuriti lain di bawah pengaturan khas dengan rakan pelaksana.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Perlindungan Takaful adalah pilihan.

10. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami dengan segera sebarang perubahan kepada butiran perhubungan bagi memastikan semua urusan surat menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang ditetapkan.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan cara penyelesaian?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Bahagian Kewangan Sosial
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 27, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03-2707 8053

E-mel: microfinance@bankislam.com.my

Sekiranya anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh kami anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03-26 900 900

E-mel: customercare@bankislam.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan dan pengurusan wang percuma, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
No. Tel.: 603 -2616 7766
Faks: 603 -2616 7601
Laman web: www.akpk.org.my

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
No. Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan kemudahan ini, sila rujuk kepada cawangan Bank Islam berdekatan atau hubungi:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
No. Tel.: 03-26 900 900
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

NOTA PENTING: PIHAK BANK AKAN MENGHANTAR NOTIS BERTULIS KEPADA ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN INI.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah diterima pakai bermula 1 Oktober 2024.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan:

.....
Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____